



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

KENYATAAN TAWARAN

1. Tender adalah dipelawa daripada pembekal-pembekal yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** yang masih sah digunakan di bawah bidang yang berkaitan sahaja.

NOMBOR TENDER	TAJUK	KOD BIDANG	LAWATAN TAPAK	HARGA DOKUMEN
UTeM/BEN/15/2009	TENDER BAGI PERKHIDMATAN PENCUCIAN BANGUNAN DAN KAWALAN MAKHLUK PEROSAK DI ZON 4 KAMPUS INDUK, UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA	220301 (Kawalan Serangga Perosak) dan 220401 (Mencuci Bangunan)	Tarikh : 15 JULAI 2009 Tempat: LOBI PEJ. PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN ASET, KAMPUS INDUK Masa : 10.00 PAGI	RM50.00

2. Naskah Meja Tender akan dipamerkan mulai **9 JULAI 2009** sehingga tarikh tutup tender iaitu **jam 12.00 tengahari, 30 JULAI 2009** pada waktu pejabat di alamat seperti berikut :

HARI	WAKTU	TEMPAT
Isnin – Khamis	9.00 pagi hingga 12.30 tengahari 2.30 petang hingga 4.30 petang	Unit Perolehan, Pejabat Bendahari Universiti Teknikal Malaysia Melaka Kampus Induk
Jumaat	9.00 pagi hingga 12.00 tengahari 3.00 petang hingga 4.30 petang	76100 Durian Tunggal Melaka

3. Dokumen bagi kesemua tender akan dijual selepas lawatan tapak mengikut waktu tersebut di atas. Kehadiran bagi lawatan tapak adalah **DIWAJIBKAN**.
4. Penender dikehendaki membawa Sijil Perakuan Pendaftaran daripada Kementerian Kewangan Malaysia yang **ASAL** dan sesalinan sijil tersebut (Salinan sijil tersebut tidak akan dikembalikan).
5. Dokumen tersebut boleh didapati dengan mengemukakan bayaran secara Tunai/Kiriman Wang/Wang Pos atau Bank Deraf atas nama **Bendahari, Universiti Teknikal Malaysia Melaka**.
6. Dokumen yang telah sempurna dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan bertulis dengan Tajuk dan No. Tender di sudut atas sebelah kiri sampul surat serta dimasukkan ke dalam Peti Tender, Unit Perolehan, Pejabat Bendahari, Universiti Teknikal Malaysia Melaka di alamat tersebut di atas sebelum atau pada tarikh tutup berkenaan.

UNIT PEROLEHAN, PEJABAT BENDAHARI
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
TEL : 06-331 6091 / 6322 FAKS : 06-331 6296